FASA ANJAKAN STRATEGIK KE ARAH PERPADUAN NASIONAL

**FASA 1**

MENYEDIAKAN EKOSISTEM UNTUK MEMBUDAYAKAN PERPADUAN DALAM AMALAN SEHARIAN (2021-2025)

**Meningkatkan Pemahaman Perpaduan (Faham)**

**Mengukuhkan Penghayatan Nilai Murni (Hormat dan Toleransi)**

**Menyediakan Tapak Integrasi (Asas Kesepaduan Sosial)**

**FASA 2**

MEMBINA IDENTITI NASIONAL YANG MAMPAN (2026-2030)

**Amalan dan Pembudayaan Perpaduan (Perpaduan Amalan Seharian)**

**Mengekalkan Perpaduan (Perpaduan Mampan)**

**Penguatkuasaan Undang-Undang dan Pemantauan Berterusan (Mengekang dan Memantau)**

#perpaduan suatukebiasaan

perpaduannegara PerpaduanNegara @PerpaduanNegara


**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**
Aras 5 - 10, Blok F9, Kompleks F,
Lebuh Perdana Timur, Presint 1,
62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tel: +603-8091 8000
Emel: pro@perpaduan.gov.my


KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

# RANGKA TINDAKAN (*BLUEPRINT*) PERPADUAN NEGARA 2021-2030

## OBJEKTIF RANGKA TINDAKAN (*BLUEPRINT*) PERPADUAN NEGARA 2021 - 2030

1. Memahami konsep perpaduan dalam konteks Malaysia
2. Mewujudkan visi dan aspirasi perpaduan yang jelas untuk dicapai dalam tempoh 10 tahun akan datang
3. Menggariskan anjakan strategik dan inisiatif bersasar yang komprehensif bagi merealisasikan aspirasi perpaduan yang dihasratkan

## ASPIRASI 1
MEMBINA RAKYAT YANG PATRIOTIK DAN DEMOKRATIK

**MEMBINA RAKYAT YANG PATRIOTIK DAN DEMOKRATIK**

**STRATEGI 1**
Meningkatkan literasi, pemahaman dan penghayatan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara

**STRATEGI 2**
Meningkatkan pemahaman dan penghayatan sejarah Malaysia

**STRATEGI 3**
Memperkukuh integrasi nasional

## ASPIRASI 3
MEMPERKUKUHKAN EKOSISTEM PERPADUAN

**STRATEGI 7**
Memantapkan keberkesanan komunikasi

**STRATEGI 8**
Mengukuhkan tapak integrasi perpaduan

**STRATEGI 9**
Memperkasa jentera perpaduan melalui kerjasama strategik

## KONSEP PERPADUAN

Kesepaduan sosial atau *social cohesion* menggambarkan hubungan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang etnik telah hidup aman damai, stabil dan harmoni. Ini kerana wujudnya kesepakatan sosial, atau *social bonding* yang kuat sudah terbina sekian lama. Kaedah inilah menurut kajian yang dibuat oleh KITA-UKM, dirujuk sebagai **kesepaduan sosial**. Kesepaduan sosial menjadi prasyarat dalam merintis jalan puncak ke matlamat akhir iaitu perpaduan dan integrasi nasional.

Secara definisinya, perpaduan ditakrifkan sebagai kesamaan dan kesatuan dalam membentuk identiti nasional seperti satu bangsa, satu bahasa dan satu negara. Konsep perpaduan yang kita hasratkan ialah **'Perpaduan dalam kepelbagaian'** ***(unity in diversity)***.

Berdasarkan sejarah, rakyat Malaysia telah menerima fakta bahawa kita memiliki masyarakat yang majmuk dan pelbagai. Oleh kerana terdapat perbezaan dan kepelbagaian ini, maka usaha ke arah mewujudkan perpaduan di Malaysia perlu dilengkapi dan dilandasi usaha integrasi berterusan.

## ASPIRASI 2
MEMBENTUK IDENTITI NASIONAL

**04 STRATEGI**
Mengukuhkan peranan bahasa sebagai medium integrasi

**05 STRATEGI**
Mengukuhkan kefahaman agama, budaya dan adat resam pelbagai etnik

**06 STRATEGI**
Membentuk masyarakat berkeperibadian tinggi, berintegriti dan berakhlak mulia

## ASPIRASI 3
MEMPERKUKUHKAN EKOSISTEM PERPADUAN

**10 — STRATEGI 10**
Memantapkan peranan institusi keluarga dan komuniti

**11 — STRATEGI 11**
Memantapkan pemantauan perpaduan dan penguatkuasaan undang-undang

**12 — STRATEGI 12**
Memperkukuh pemimpin sebagai pemangkin perpaduan